



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **820 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **24,815 kes** (70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (472 kes);
- Selangor (103 kes);
- Negeri Sembilan (71 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (66 kes);
- Pulau Pinang (46 kes);
- Kedah (21 kes);
- Perak (21 kes);
- Sarawak (14 kes);
- Johor (3 kes);
- Kelantan (2 kes); dan
- Melaka (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 4 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,032 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **35,425 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,339 kes**.

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 646 kes (62.6 peratus) daripada keseluruhan kes positif harian. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 244 kes (23.6 peratus). Manakala, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan pula mencatatkan 28 (2.7 peratus) kes positif pada hari ini. Kelima-lima negeri ini telah menyumbang sebanyak 918 kes (89.0 peratus) secara keseluruhan. Negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sebanyak 98 kes (9.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS). Ini melibatkan Kluster Penjara Sandakan (34 kes), Kluster Penjara Kepayan (24 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (16 kes), Kluster Rumah Merah (11 kes), Kluster Tembok (8 kes) dan Kluster Benteng PK (5 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,032 kes baharu pada hari ini, terdapat **tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara:

- India (1 kes);
- Singapura (1 kes); dan
- Filipina (1 kes).

Daripada 1,029 kes penularan di dalam negara, satu (1) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah. Ini menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 479 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 646 kes**

- 100 kes daripada kluster-kluster, termasuk 54 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Penjara Sandakan, Kluster Dialisis, dan Kluster Sepanggar.**
- 367 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 179 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 231 kes**

- 155 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Aero**;
- 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
- Satu (1) kes saringan *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 44 kes**

- 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lengkuk**;

- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan : 28 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah : 25 kes**
 - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang : 23 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Sarawak : Sembilan (9) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Tujuh (7) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak : Enam (6) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Empat (4) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Gading**; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Terengganu : Tiga (3) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kelantan: Dua (2) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Johor : Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **82 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **27 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lapan (8) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **271 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
264	17745	Sabah	Lelaki (WN)	83	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi, kencing manis dan strok

265	32597	Sabah	Lelaki (WN)	63	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas	Penyakit paru-paru kronik
266	16846	Perak	Lelaki (WN)	79	Hospital Raja Permaisuri Bainun	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan penyakit buah pinggang
267	32191	Sabah	Lelaki (WN)	64	Hospital Tuaran	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
268	29671	Sabah	Lelaki (WN)	56	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dislipidemia dan penyakit jantung
269	33909	Sabah	Lelaki (WN)	63	Hospital Duchess of Kent	Penyakit obstruktif paru-paru kronik (COPD)
270	25352	Sabah	Perempuan (BWN)	60	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan kegagalan jantung
271	34013	Sabah	Lelaki (BWN)	70	Hospital Tawau	Strok

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa dua (2) kluster diisytiharkan tamat pada hari ini iaitu **Kluster Embun** dan **Kluster Bah Tanjung**. Tiada kes kematian yang dilaporkan daripada kluster-kluster ini.

1. KLUSTER EMBUN

Kluster ini melibatkan negeri Selangor. Sehingga 4 November 2020, seramai 247 orang telah disaring di mana tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 2.83%.

2. KLUSTER BAH TANJUNG

Kluster ini melibatkan negeri Terengganu. Sehingga 4 November 2020, seramai 230 orang telah disaring di mana lapan (8) kes dikesan positif COVID-19. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 3.48%.

ENAM (6) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **enam (6) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER PENJARA SANDAKAN

Kluster baharu ini melibatkan sebuah penjara di daerah Sandakan, negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29176) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan banduan pada 27 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 38 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 293 individu telah disaring, di mana:

- 39 kes dikesan positif COVID-19 (**34 kes baharu**); dan
- 254 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER DIALISIS

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan dan Lahad Datu di negeri Sabah. Kes-kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-25306, kes ke-25316 dan kes ke-26223) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan petugas kesihatan pada 23 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 16 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 49 individu telah disaring, di mana:

- 19 kes dikesan positif COVID-19 (**14 kes baharu**); dan
- 30 individu dikesan negatif.

3. KLUSTER SEPANGGAR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-25339) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 24 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Institut Kemahiran Mara (IKM), Sepanggar, Sabah. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 95 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**6 kes baharu**);
- 86 individu dikesan negatif; dan
- Satu (1) individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER AERO

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-35186) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat pada 3 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat yang seterusnya telah mengesan sebanyak 10 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 95 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**); dan
- 84 individu dikesan negatif.

5. KLUSTER LENGKUK

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sepang di negeri Selangor dan daerah Seremban, Port Dickson serta Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29916) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 28 Oktober 2020 dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 23 lagi kes positif COVID-19. Kes-kes tersebut dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Hospital Rembau dan Hospital Tampin.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 86 individu telah disaring, di mana:

- 24 kes dikesan positif COVID-19 (**16 kes baharu**); dan
- 62 individu dikesan negatif.

6. **KLUSTER GADING**

Kluster baharu ini melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-30090) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat pada 29 Oktober 2020. Saringan kontak rapat yang seterusnya telah mengesan sebanyak enam (6) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 4 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- Lapan (8) individu dikesan negatif; dan
- 17 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sebang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

4 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 4 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	646	17,519
SELANGOR	231	5,410
W.P. KUALA LUMPUR	9 (2)	3,101
KEDAH	25	2,165
NEGERI SEMBILAN	44	1,746
PULAU PINANG	23	1,096
SARAWAK	9	936
JOHOR	2 (1)	919
W.P. LABUAN	28	701
PERAK	6	528
PAHANG	0	395
MELAKA	0	313
TERENGGANU	3	213
KELANTAN	2	184
W.P. PUTRAJAYA	4	161
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	1,032 (3)	35,425

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(4 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	67	325	2,190	241 (0)	84	0
2	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa	38	61	70	60 (0)	1	0
3	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	24	1,784	3,899	1,014 (0)	770	0
4	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	16	303	5,055	59 (1)	244	0

5	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	14	92	1,690	71 (2)	21	0
6	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	14	26	364	26 (0)	0	0
7	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	12	66	121	19 (0)	47	0
8	Bah Medan	Selangor	Sepang	12	32	82	21 (0)	11	0
9	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	11	415	1,773	415 (1)	0	0

10	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	9	476	1,347	375 (0)	101	0
11	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Klang, Maran	9	53	153	52 (0)	1	0
12	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	8	1,753	9,056	304 (4)	1,445	4

13	Tempayan	Sabah	Penampang, Kota Kinabalu	7	32	253	14 (0)	18	0
14	Permatang	Kedah, Pulau Pinang	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut	6	14	820	14 (0)	0	0
15	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	5	77	461	27 (0)	50	0
16	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	5	16	619	16 (0)	0	0
17	Saguking	WP Labuan	Labuan	3	298	3,539	191 (0)	106	1
18	Ramai- Ramai	Sabah	Sandakan	3	277	800	99 (0)	178	0
19	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Besut, Kuala Nerus, Klang	3	50	1,450	48 (0)	2	0

20	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu, Kulim	3	46	810	18 (0)	28	0
21	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	2	250	1,209	41 (0)	209	0
22	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson	2	115	2,043	52 (0)	63	0
23	Baki	Sarawak, Perak	Kuching, Kinta	2	42	3,093	42 (0)	0	0

24	Titian	WP Labuan	Labuan	2	29	530	29 (0)	0	0
25	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	1	396	4,353	129 (0)	265	2
26	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	1	121	1,173	25 (1)	96	0
27	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	1	71	398	41 (1)	30	0
28	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	63	870	22 (0)	41	0

29	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	1	63	730	54 (1)	9	0
30	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	55	458	24 (2)	31	0
31	Limbungan	WP Labuan	Labuan	1	49	383	39 (0)	10	0
32	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	1	40	392	30 (0)	10	0
33	Gedong	Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Seremban, Port Dickson, Rembau, Petaling, Johor Bahru, Cheras, Putrajaya	1	27	105	27 (0)	0	0
34	Tembaga	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	1	11	144	11 (0)	0	0

